



GARIS PANDUAN SANGKUTAN AKADEMIK UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

UMT/PPBA/GP/SA

Disediakan oleh:-

Seksyen Pemerkasaan Bakat Akademik
Pusat Pengurusan Bakat Akademik (PPBA)

Tarikh kuat kuasa:

1 Februari 2015

GARIS PANDUAN SANGKUTAN AKADEMIK UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

1.0 FALSAFAH

Sangkutan akademik merupakan kemudahan yang diberikan kepada ahli akademik untuk meningkatkan kepakaran profesional dan ikhtisas di industri/NGO/Agensi/Komuniti/Kerajaan sama ada di dalam atau luar negara. Program ini merupakan peluang dan kemudahan untuk memenuhi keperluan pembangunan profesional mengikut bidang kepakaran ahli akademik.

2.0 OBJEKTIF

2.1 Latihan/pengalaman kerja di industri/agensi kerajaan/NGO bertujuan supaya ahli akademik dapat :

- i. Memahami dengan lebih mendalam tentang keperluan dan operasi sesebuah organisasi/industri atau sesuatu bentuk perniagaan supaya dapat diaplikasikan dalam pengajaran dan penyelidikan di universiti;
- ii. Memperoleh pengalaman kerja bagi mendapatkan kelayakan profesional di dalam sesuatu bidang seperti perakaunan, kejuruteraan, undang-undang dan lain-lain;
- iii. Membina rangkaian kerjasama di antara pihak universiti dan industri/agensi kerajaan/NGO;
- iv. Memperoleh pengalaman kerja di industri/agensi kerajaan/dalam bidang kepakaran masing-masing;
- v. Menggalakkan penyertaan ahli akademik sebagai anggota sukarelawan bantuan kemanusiaan.

2.2 Penyelidikan bersama industri/agensi kerajaan/NGO kerajaan bertujuan supaya ahli akademik dapat :

- i. Menambah dan meluaskan pengalaman ahli akademik dalam bidang kepakaran atau meneroka bidang baharu selari dengan keperluan dan kehendak pasaran semasa;
- ii. Menjalankan penyelidikan di industri/agensi kerajaan/NGO bagi memberi nilai tambah kepada hasil penyelidikan, pihak industri/agensi kerajaan/NGO kerajaan yang terlibat serta universiti;
- iii. Membina rangkaian kerjasama di antara pihak universiti dan industri/agensi kerajaan/NGO;
- iv. Membangunkan material atau kajian kes yang relevan bagi pembangunan pengajaran dan penyelidikan;
- v. Menjalankan penyelidikan bersama NGO dalam bantuan kemanusiaan dan pengurangan risiko bencana.

3.0 SYARAT DAN KELAYAKAN

3.1 Ahli akademik yang ingin memohon menjalani program sangkutan akademik hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Berjawatan tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan;
- ii. Mencapai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya Sangat Baik (80% dan ke atas) bagi 3 tahun terkini;
- iii. Hanya layak memohon sangkutan sekali dalam setahun.

4.0 TEMPOH SANGKUTAN

4.1 Tempoh yang disarankan bagi menjalani sangkutan adalah tidak melebihi 6 bulan.

5.0 KATEGORI SKIM SANGKUTAN AKADEMIK

Terdapat empat kategori skim sangkutan akademik yang boleh dijalankan oleh ahli akademik iaitu:

5.1 Skim Sangkutan Pengiktirafan Profesional

Skim ini terbuka kepada ahli akademik yang menjalani sangkutan di industri/agensi kerajaan/NGO untuk mendapatkan pengiktirafan profesional dan sijil mengikut bidang kepakaran masing-masing.

5.2 Skim Sangkutan Kerja/Penyelidikan

Skim ini terbuka kepada ahli akademik yang ingin mendapatkan pengalaman kerja atau menjalankan penyelidikan di industri/agensi kerajaan/NGO.

6.0 PERANCANGAN SANGKUTAN

6.1 Program sangkutan akademik di industri/agensi kerajaan/NGO ini perlu mengambil kira perancangan beban tugas pengajaran pemohon di Pusat Pengajian/Institut masing-masing.

6.2 Pemilihan tempat sangkutan sama ada di luar atau dalam negara mestilah mengambil kira industri/agensi kerajaan/NGO yang dapat memberi nilai tambah kepada pembangunan dan kecemerlangan universiti dalam aspek pengajaran, penyelidikan dan lain-lain yang berkepentingan.

7.0 KAEDAH PERMOHONAN

7.1 Semua permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Sangkutan Akademik - UMT/PPBA/SA/B01 dan dihantar kepada urus setia dengan menyertakan dokumen berikut:

- i. Surat penerimaan sangkutan dari industri/agensi kerajaan/NGO;
- ii. surat kelulusan penggunaan geran penyelidikan dari Pusat Pengurusan Penyelidikan bagi permohonan yang menggunakan peruntukan geran penyelidikan.

- 7.2 Semua permohonan yang disokong akan dibawa untuk pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Mobiliti Akademik.
- 7.3 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada urus setia selewat-lewatnya **tiga (3) bulan** sebelum tarikh program sangkutan akademik dijalankan.

8.0 IKATAN

- 8.1 Tiada sebarang tambahan ikatan perkhidmatan disyaratkan bagi sangkutan di bawah tempoh 3 bulan.
- 8.2 Bagi tempoh sangkutan yang melebihi 3 bulan, prosedur ikatan adalah setara sebagaimana tempoh ikatan Cuti Sabatikal iaitu:
- 8.2.3 **Sangkutan Akademik dalam negara bagi tempoh 5 hingga 9 bulan**
Pemohon perlu berkhidmat dua puluh empat (24) bulan dari tarikh melapor diri untuk bertugas semula. **Bayaran gantirugi** tidak mematuhi perjanjian adalah **RM40,000.00**.
- 8.2.4 **Sangkutan Akademik luar negara bagi tempoh 9 bulan**
Pemohon perlu berkhidmat dua puluh empat (24) bulan dari tarikh melapor diri untuk bertugas semula. Bayaran gantirugi tidak mematuhi perjanjian adalah kos sebenar meliputi segala perbelanjaan yang dikeluarkan oleh pihak universiti termasuk yuran/*bench fees*, elaun, tiket penerbangan dan lain-lain.

9.0 KEMUDAHAN DAN KELAYAKAN

- 9.1 Kemudahan kewangan yang layak diperolehi ialah bayaran emolumen dan elaun dalam perkhidmatan sahaja. Ahli akademik boleh menggunakan geran penyelidikan tertakluk kepada kelulusan pemberi geran.

- 9.2 Kelayakan elaun pakaian panas adalah tertakluk kepada pemakaian pekeliling perbendaharaan bil.3/2003 [Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Anggota Tentera dan Anggota Polis).
- 9.3 Ahli akademik digalakkan untuk **mendapatkan penajaan** daripada pihak industri/agensi kerajaan/NGO bagi membiayai kos menjalani program sangkutan. Persetujuan dari segi kos dan kelayakan antara kedua-dua pihak industri/agensi kerajaan/NGO dan pemohon adalah tertakluk kepada peraturan/pekeliling sedia ada.
- 9.4 Kelayakan cuti rehat adalah sebagaimana yang dipersetujui antara universiti dan industri/agensi kerajaan/NGO yang berkenaan.

10.0 LAPORAN DAN PENILAIAN

- 10.1 Penilaian dibuat melalui **Laporan Komprehensif** daripada program sangkutan tersebut yang mempunyai nilai impak daripada segi industri, akademik dan dasar. Format laporan adalah sebagaimana Laporan Komprehensif Sangkutan Akademik - UMT/PPBA/SA/B02. Laporan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Mobiliti Akademik.
- 10.2 Hasil menjalani sangkutan seperti ciptaan, manuskrip, penerbitan dan sebagainya mestilah diserahkan kepada urus setia tidak lewat dari 4 bulan daripada tarikh tamat program tersebut, melainkan dipersetujui sebaliknya di antara pihak industri/agensi kerajaan/NGO dan universiti.

11.0 HAL-HAL LAIN

- 11.1 Sepanjang tempoh program sangkutan akademik, ahli akademik adalah berada di bawah kawalan dan penyeliaan tata tertib universiti dan industri/agensi kerajaan/NGO.
- 11.2 Universiti berhak menamatkan program sangkutan di industri/agensi kerajaan/NGO mengikut had-had perjanjian, atau desakan perkhidmatan, implikasi kewangan dan kepentingan universiti.
- 11.3 Sekiranya terdapat keperluan khas untuk menjalani sangkutan yang mana sangkutan tersebut mempunyai nilai kepada universiti, maka kelulusan adalah di bawah kuasa Naib Canselor dengan nasihat dan pandangan daripada Jawatankuasa Mobiliti Akademik atau Pusat Pengurusan Bakat Akademik sebagai urus setia

12.0 URUS SETIA

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh diperolehi dengan menghubungi:

Urus Setia Sangkutan Akademik
Pusat Pengurusan Bakat Akademik
Universiti Malaysia Terengganu
No. Tel : 09-668 4879/4482